

Jenis Akhbar : BH Online

Tarikh : 14/12/2024

Edisi / Muka Surat : <https://www.bharian.com.my/>

Tajuk : SKM sumbang 2 tan metrik beras kepada mangsa banjir

SKM sumbang 2 tan metrik beras kepada mangsa banjir



Awg Ruslli (tengah) dan Hashim (tiga kiri) memeriksa kit makanan untuk diagihkan kepada mangsa banjir. Foto NSTP/BAHAROM BAKAR.

KUALA TERENGGANU: Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) negeri menyumbangkan sebanyak dua tan metrik beras dan 0.80 tan metrik minyak masak kepada 400 mangsa bencana banjir di negeri ini.

Pengarah SKM negeri, Awg Ruslli Mohammad berkata, sumbangan beras dan minyak masak serta barangan keperluan asas lain yang setiap satu bernilai RM150 disampaikan kepada 400 keluarga yang terkesan banjir gelombang pertama bermula akhir bulan lalu.

Katanya, sumbangan bagi membantu meringankan beban mangsa banjir itu diagihkan Skwad Ihsan Madani dan gerakan koperasi negeri (KOPTER) di lima daerah di negeri ini.

"Kita akan sampaikan sumbangan kepada 100 mangsa banjir di daerah Kemaman, Dungun dan Besut, manakala 50 di daerah Kuala Terengganu dan Setiu.

"Misi bantuan daripada SKM negeri dan KOPTER diwujudkan sebagai menyahut seruan kerajaan mempergiatkan pembabitkan penjawat awam dan badan bukan kerajaan (NGO) sebagai sukarelawan banjir," katanya.

Terdahulu, Awg Ruslli melepaskan konvoi misi bantuan banjir di perkarangan Wisma Persekutuan, di sini, hari ini.

Yang turut hadir adalah pengerusi KOPTER, Datuk Hashim Mamat.

Mengulas mengenai koperasi yang terjejas dengan banjir, Awg Ruslli, berkata sebanyak 31 daripada 828 koperasi berdaftar di seluruh negeri yang terkesan dengan banjir memohon bantuan untuk mengaktifkan semula aktiviti.

Katanya, SKM negeri dan kerjasama KOPTER mengeluarkan bantuan daripada tabung kecemasan sebanyak RM30,000 kepada 17 koperasi, manakala permohonan 14 lagi sedang dalam proses kelulusan.

"Setakat ini, kita sudah mengeluarkan bantuan daripada tabung kecemasan berjumlah RM510,000 kepada 17 koperasi yang terkesan banjir," katanya.

Mengulas persiapan menghadapi banjir gelombang kedua, Awg Ruslli berkata, Lembaga Pengarah SKM, Datuk Ahmad Norihan Jalal meluluskan dua bot penyelamat untuk melakukan kerja menyelamatkan mangsa banjir di Kelantan, Terengganu dan Pahang.

"Bot penyelamat berserta enjin dan 20 jaket keselamatan itu kini ditempatkan di Kemaman dan akan digerakkan untuk membantu menyelamatkan mangsa banjir di Kelantan, Terengganu dan Pahang," katanya.